



**PEKELILING**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**  
**BILANGAN 8/1972**

*Menetapkan Tugas-tugas Pegawai Tanah  
Sebagai Pegawai Pendaftar*

Surat Perkeliling ini dikeluarkan untuk memberi nasihat kepada Pemungut-pemungut Hasil Tanah dalam memberi tugas kepada seorang Pegawai Tanah untuk menjalankan kuasa-kuasa Pendaftar surat-surat Hakmilik (documents of title) dan suratcara-suratcara urusan (instruments of dealing).

2. Adalah dinyatakan bahawa tugas-tugas mengenai pendaftaran surat-surat hakmilik tanah dan suratcara-suratcara urusan sangatlah berat tanggungannya oleh kerana sesuatu kesilapan dari segi undang-undang atau dari segi peraturan yang dilakukan oleh pegawai itu mungkin menjadi satu perkara 'kes' Mahkamah. Ada kemungkinan iaitu perkara Mahkamah ini boleh menimbulkan satu pendakwaan ganti rugi terhadap pihak berkuasa Negeri. Memandang kepada kedudukan tersebut patutlah, untuk kepentingan pentadbiran tanah, tugas-tugas mendaftarkan surat-surat hakmilik atau suratcara-suratcara urusan itu diberi kepada pegawai yang kanan sekali di daerah itu dan yang juga mahir di dalam kerja-kerja tadbiran tanah.

3. Di beberapa daerah adalah menjadi kebiasaan memberikan tugas kepada seorang Pegawai Penempatan yang telah dilantik sebagai Penolong Pemungut Hasil Tanah. Jika cara yang demikian telah diamalkan adalah mustahak dibuat pertukaran serta merta memandangkan kepada alasan-alasan yang disebutkan di perenggan 2 diatas. Jika Pemungut Hasil Tanah berpendapat pegawai

Pegawai yang kanan sekali di daerah itu kurang pengalaman dalam kerja-kerja tadbiran tanah dan dengan itu tidak sesuai untuk menjalankan tugas-tugas Pendaftar ianya sendiri mahulah menjalankan tugas-tugas itu.

4. Adalah dinasihatkan iaitu tiap-tiap arahan yang dikeluarkan oleh Pemungut Hasil Tanah menurut seksyen 12(5) Kanun Tanah Negara mahulah menurut dasar-dasar yang tersebut di atas.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,  
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan*

P.T.TM 13/72(8)

Kuala Lumpur,  
17hb April, 1972